

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JULY 2016

Dr Mahathir bentuk pakatan pembangkang baharu

BH - 15/7/2016

➔ Dianggotai DAP, PKR, Parti Amanah Negara serta beberapa pemimpin politik

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Satu pakatan baharu yang dianggotai oleh parti pembangkang dan individu yang menentang kerajaan, diwujudkan dengan diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pembentukan pakatan berkenaan yang dianggotai DAP, PKR dan Parti Amanah Negara serta beberapa pemimpin politik, diumumkan bekas Perdana Menteri itu selepas mempengerusikan mesyuarat mengenainya



[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Dr Mahathir bersama Mahfuz (kanan) dan Shamsul Iskandar (kiri) pada sidang media di Putrajaya, semalam.

di sini, semalam.

Antara pemimpin yang menghadiri mesyuarat berkenaan ialah bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Ahli Parlimen Bukit Katil daripada PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin dan Ahli Parlimen Pokok Sena daripada PAS, Datuk Mahfuz Omar.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata, pakatan berkenaan akan turut disertai individu yang menentang kerajaan dan akan bekerjasama sebagai satu pasukan bagi menewaskan Barisan Nasional (BN)

pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Belum ada nama khusus

Katanya, pakatan itu yang belum mempunyai nama khusus, akan bergerak sebagai badan tertinggi untuk menyusun usaha mulai sekarang sehingga PRU-14.

"Kita mahu mendedahkan segala penyelewengan BN dan membentuk kerajaan baharu bagi negara kita.

"Kita juga memutuskan untuk melakukan 'gencatan senjata' antara parti komponen (pembangkang) dan mengetepikan sebarang perbezaan antara kita, serta me-

numpukan kepada (usaha) mencapai kemenangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau yang akan bertindak sebagai pemimpin pakatan itu akan menubuhkan satu parti baharu dalam masa terdekat dan menjadi sebahagian daripada pakatan baharu berkenaan.

Ditanya sama ada bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir akan bersama dalam pakatan itu, Dr Mahathir berkata, mereka bersama dengan beliau namun tidak dapat hadir kerana berada di luar negara.